



The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan kongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia.

21.10.2022

❖ Kuasa kepada pengarah untuk mengumpukkan saham baharu – sokong atau bantah?

Berita terkini mengenai keputusan Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk mengundi menentang resolusi yang dicadangkan secara rutin untuk para pengarah menerbitkan dan mengumpukkan saham baharu telah menjadi bualan hangat.

Pihak akhbar mengetengahkan bahawa pelabur institusi telah mengundi “menentang” resolusi untuk mendapatkan mandat umum bagi penerbitan saham baharu pada mesyuarat agung tahunan (*annual general meeting, AGM*) Bermaz Auto Berhad. Ia juga merancang untuk mengundi perkara yang sama dalam AGM Hong Leong Bank Berhad yang akan datang.

Perlu diingat bahawa PNB pernah mengundi “menentang” resolusi yang sama yang dicadangkan oleh beberapa syarikat penerima pelaburannya sebelum ini.

Di Asia, situasi yang menyaksikan sesebuah syarikat cuba mendapatkan mandat daripada pemegang saham untuk menerbitkan saham baharu bukanlah sesuatu yang luar biasa. Mandat sedemikian mencairkan pegangan saham pemegang saham sedia ada kerana mereka tidak dapat melanggan saham penempatan baharu. Pada masa yang sama, ia memberikan kuasa kepada lembaga dengan hak untuk menerbitkan saham (pada harga diskaun) kepada pelabur pihak ketiga mengikut budi bicara lembaga. Mandat tersebut tamat tempoh setiap tahun tetapi lembaga boleh mendapatkan mandat baharu dalam AGM yang seterusnya.

Di Malaysia, mandat kepada pengarah untuk menerbitkan dan mengumpukkan saham baharu adalah di bawah Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016, yang memberikan kuasa kepada pengarah untuk menerbitkan tidak lebih 10% daripada jumlah bilangan saham yang diterbitkan sehingga tamatnya AGM syarikat yang akan datang. Mandat umum untuk penerbitan saham baharu diluluskan oleh majoriti mudah daripada ahli dan proksi yang hadir dalam AGM.

Seksyen 75 menyatakan bahawa melainkan jika kelulusan melalui ketetapan telah didapatkan oleh syarikat terlebih dahulu, pengarah sesebuah syarikat tidak boleh menjalankan mana-mana kuasa:

- untuk mengumpulkan syer dalam syarikat;
- untuk memberikan hak bagi melanggan syer dalam syarikat;
- untuk menukar apa-apa sekuriti kepada syer dalam syarikat; atau
- untuk mengumpulkan syer di bawah suatu perjanjian atau opsyen atau tawaran.

Pendirian terhadap pengundian

Menurut garis panduan pengundian PNB, berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022, PNB boleh mengundi "menentang" resolusi di bawah Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016 jika didapati penzahiran yang tidak mencukupi tentang cara penerbitan dan cadangan

penggunaan hasil penerbitan saham tersebut atau cadangan penerbitan dianggap memudaratkan syarikat dan bukan untuk kepentingan terbaik pemegang saham.

Walau bagaimanapun, pengecualian dibuat jika syarikat penerima pelaburan secara jelas mendedahkan tujuan mereka untuk mendapatkan mandat ini, contohnya, bagi keperluan modal kawal selia, pembiayaan projek pelaburan, modal kerja, pemerolehan, peluang strategik dan lain-lain.

Pendirian PNB adalah serupa dengan pendirian pengundian Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP. Dana persaraan itu menyatakan mereka akan mengundi "menentang" resolusi sedemikian jika syarikat gagal menyatakan dengan jelas tujuan pengutipan dan cadangan penggunaan hasil yang akan diperoleh daripada mandat tersebut (Sumber: *Buku Garis Panduan Pengundian Pelaburan Ekuiti Domestik KWAP*, edisi 2022).

Dari sudut pandangan MSWG, kami juga akan mengundi "menentang" resolusi berhubung mandat umum jika syarikat tersebut "kaya tunai" dan tidak mempunyai rancangan atau projek yang dikenal pasti untuk menggunakan tunai yang dikumpul.

Kebaikan dan keburukan

Hujah standard untuk menyokong keperluan mendapatkan kelulusan pemegang saham terlebih dahulu untuk menerbitkan saham ialah ia memberikan fleksibiliti yang diperlukan kepada para pengarah untuk mengambil tindakan pantas bagi pelaksanaan korporat, terutama apabila keadaan pasaran menggalakkan. Ini membolehkan syarikat mempercepat proses penerbitan dan pengumpulan saham baharu (melalui penempatan persendirian) tanpa perlu mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) bagi mendapatkan kelulusan pemegang saham.

Lagipun, lembaga pengarah dan pengurusan juga memberikan alasan bahawa mereka tidak boleh menyatakan secara jelas tujuan dan rancangan penggunaan hasil untuk mandat umum kerana mereka menganggap maklumat sedemikian sensitif dari sudut komersial.

Penepian hak beli dahulu

Di bawah Seksyen 85(1) Akta Syarikat 2016, pemegang saham mempunyai hak beli dahulu apabila ditawarkan mana-mana saham baharu dalam sesebuah syarikat, yang sama taraf dengan saham yang sedia ada dalam syarikat itu.

Pada masa lalu, PLC secara rutin membentangkan resolusi untuk mendapatkan kelulusan bagi mandat am untuk menerbitkan saham baharu di bawah Seksyen 75 & 76 Akta Syarikat 2016 tanpa memaklumkan secara khusus kepada pemegang saham tentang hak berkanun mereka untuk beli dahulu seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 85(1) Akta Syarikat 2016.

Namun, kami melihat perubahan dalam amalan sedemikian dengan peningkatan bilangan syarikat (cth., JOE Holdings Berhad, Hong Leong Bank Berhad) yang secara nyata memaklumkan pemegang saham tentang penepian hak tersebut jika mereka meluluskan resolusi dalam AGM.

Perubahan itu berlaku selepas keputusan Mahkamah Rayuan baru-baru ini dalam kes *Concrete Parade Sdn Bhd lwn Apex Equity Holdings Bhd & Lain-lain (2021)*, yang diputuskan bahawa pemegang saham sedia ada tidak boleh dinafikan hak beli dahulu mereka melainkan terdapat "arahan sebaliknya" diberikan semasa mesyuarat agung, sebelum saham baharu itu ditawarkan kepada pihak luar.

Untuk mendapatkan "arahan sebaliknya", syarikat perlu menyatakan secara ekspresif semua maklumat yang diperlukan berkaitan hak beli dahulu pemegang saham sedia ada di bawah Seksyen 85(1) Akta Syarikat 2016.

Pemegang saham sedia ada perlu dimaklumkan dengan jelas tentang hak berkanun mereka untuk beli dahulu. Dengan mengundi menyokong resolusi penerbitan saham baharu, pemegang saham sedia ada akan mengetepikan hak beli dahulu mereka.

Akhir sekali, penepian hanya berkesan jika pemegang saham sedar akan hak undang-undang mereka dan secara sedar memilih untuk tidak menggunakan hak mereka seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 85(1) Akta Syarikat 2016.

Walau bagaimanapun, melihat dari sisi lain, kepentingan pemegang saham dipertaruhkan apabila lembaga pengarah melaksanakan pelbagai penempatan secara bebas mengikut budi bicara mereka. Ini akan menghakis nilai pemegang saham dengan ketara dalam jangka panjang.

Pencairan pemilikan menjadi kebimbangan utama bagi pemegang saham apabila mereka memberikan mandat umum untuk penerbitan saham baharu jika mereka tidak mengambil bahagian atau mengetepikan hak beli dahulu mereka daripada mengambil bahagian dalam penerbitan saham baharu itu (sila rujuk ruangan sisi - *Penepian Hak Beli Dahulu* untuk penjelasan lebih terperinci).

Selalunya pemegang saham minoriti memberikan mandat ini tanpa memahami sepenuhnya kesan tindakan mereka. Akibatnya, lembaga pengarah dan pengurusan tidak merasai tekanan untuk membuat penzahiran yang jelas dan telus tentang tujuan dan cara penggunaan hasil daripada penerbitan saham berkenaan.

Sebelum pengundian mandat untuk pengarah menerbitkan saham baharu, pemegang saham perlu mengambil perhatian bahawa apabila mereka cuba mendapatkan mandat umum, resolusi yang dicadangkan perlu disertakan dengan maklumat berikut:-

- Sama ada mandat tersebut baharu atau diperbaharui
- Jika melibatkan pembaharuan, nyatakan hasil yang diperolehi daripada mandat sebelum ini (jika ada) dan berikan butiran dan status penggunaan hasil yang diperolehi

Pemegang saham juga perlu mengkaji semula rasional di sebalik resolusi yang dicadangkan. Beberapa aspek kritikal yang wajar dipertimbangkan ialah prospek perniagaan syarikat, rekod prestasi pengumpulan dana ekuiti dengan penerbitan saham baharu, penggunaan hasil yang diperolehi sebelum ini, pilihan pembiayaan yang tersedia kepada pihak pengurusan serta potensi pencairan yang timbul daripada penerbitan saham baharu. Pemegang saham juga perlu meneliti kedudukan kewangan syarikat untuk menentukan sama ada syarikat benar-benar perlu melaksanakan pengumpulan dana.

Sementara itu, lembaga pengarah dan pihak pengurusan perlu memastikan penzahiran yang jelas dan mencukupi apabila berhasrat mendapatkan kelulusan untuk mandat umum.

Sebagai penutup, pemegang saham minoriti perlu mendapatkan maklumat yang secukupnya apabila mengambil bahagian dalam sesebuah mesyuarat. Mereka juga perlu memahami dan sedar tentang implikasi daripada setiap keputusan yang dibuat.

Oleh Lim Cian Yai
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 25 hingga 28 Oktober 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
26.10.22 (Rabu) 10.30 pagi	Saudee Group Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penempatan persendirian sehingga 347 juta saham baharu, mewakili 35% daripada jumlah keseluruhan saham Saudee yang diterbitkan kepada pelabur pihak ketiga. Selain itu, syarikat berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penubuhan skim terbitan saham sehingga 15% daripada jumlah bilangan saham terbitan Saudee kepada pengarah dan kakitangan Kumpulan Saudee yang berkecualan.
27.10.22 (Khamis) 09.00 pagi	Apollo Food Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM188.27 juta bagi tahun kewangan 2022, menyusut 11% berbanding RM190.39 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Pasaran tempatan menyumbang kira-kira 74% daripada pendapatan. Sementara itu, untung bersihnya menurun sebanyak 42.50% kepada RM9.97 juta daripada RM17.34 juta disebabkan oleh margin untung kasar yang lebih rendah berikutan kos bahan mentah yang lebih tinggi berbanding tahun kewangan sebelumnya.
27.10.22 (Khamis) 09.30 pagi	Nylex (Malaysia) Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2022, Nylex telah memuktamadkan pelupusan perniagaan polimer, kimia industri dan logistiknya, yang mewakili keseluruhan perniagaan terasnya, kepada Ancom Nylex Berhad pada harga RM179.3 juta. Sehubungan itu, syarikat telah diklasifikasikan sebagai penerbit tersenarai yang terjejas di bawah Perenggan 8.03A (2) Keperluan Penyenaaran Pasaran Utama. Syarikat diberikan tempoh 12 bulan mulai 26 Januari 2022 untuk mengemukakan cadangannya untuk memperoleh perniagaan teras baharu bagi

		menyusun semula perniagaannya serta mengekalkan status penyenaian di Bursa Securities.
27.10.22 (Khamis) 10.00 pagi	Fibon Berhad (AGM)	<p>Pendapatan FIBON bagi tahun kewangan 2022 meningkat 21.23% kepada RM15.14 juta berbanding RM12.49 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Untung bersihnya meningkat daripada RM1.72 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM3.35 juta pada tahun kewangan 2022, paras tertinggi yang pernah dicatatkan dalam tempoh lima tahun lepas.</p> <p>Prestasi pendapatan yang lebih baik berpunca daripada pemulihan dalam sektor yang berorientasikan domestik kerana hampir kesemua sektor ekonomi dan sosial kembali normal selepas penarikan sekatan akibat Covid-19. Pertumbuhan itu juga didorong oleh pembukaan semula sempadan antarabangsa dan perdagangan secara global.</p>
27.10.22 (Khamis) 10.00 pagi	KUB Malaysia Berhad (AGM)	<p>Pemegang saham perlu mengambil iktibar daripada pertikaian undang-undang yang berlaku antara pemegang saham minoriti dan KUB Malaysia berhubung syarikat bersekutu 60% miliknya iaitu KUB Sepadu Sdn Bhd (KUBS).</p> <p>Jika sebelum ini KUBS diklasifikasikan sebagai anak syarikat KUB Malaysia, kini syarikat itu telah dinyahsatukan daripada akaun Kumpulan dan kemudiannya diklasifikasikan sebagai syarikat bersekutu selepas syarikat itu menerima perintah pembubaran oleh pemegang saham minoritinya pada 15 Jun 2022.</p> <p>KUBS ialah anak syarikat operasi utama KUB Malaysia yang terlibat dalam operasi dua ladang kelapa sawit seluas 4,616 hektar di Mukah, Sarawak. Perniagaan kelapa sawit pula merupakan penyumbang keuntungan utama kepada Kumpulan pada tahun kewangan 2022, dengan untung bersih berjumlah RM18.52 juta.</p>

<p>27.10.22 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>TAS Offshore Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM57.50 juta pada tahun kewangan 2022, meningkat sebanyak RM22.60 juta atau 64.74% berbanding RM34.90 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Peningkatan dalam pendapatan sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam bilangan kapal yang dihantar.</p> <p>Walaupun Kumpulan merekodkan peningkatan dalam pendapatan, ia bertukar kepada rugi pada tahun kewangan 2022 dengan rugi sebelum cukai berjumlah RM0.81 juta, berbanding untung berjumlah RM2.83 juta pada tahun kewangan 2021. Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama pelaburan yang diukur mengikut nilai saksama melalui untung atau rugi.</p>
<p>27.10.22 (Khamis) 10.30 pagi</p>	<p>Hong Leong Bank Berhad (AGM)</p>	<p>Bank mencapai pendapatan berjumlah RM5,597 juta pada tahun kewangan 2022, mewakili peningkatan sebanyak 2.4% tahun ke tahun, manakala untung bersih selepas cukai meningkat kepada rekod RM3.29 bilion, iaitu 15.0% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya (selepas ditolak peruntukan cukai tidak berulang untuk Cukai Makmur).</p> <p>Pencapaian cemerlang itu disumbangkan oleh pertumbuhan pinjaman/ pembiayaan yang kukuh, kawalan kos yang ketat, elaun rosot nilai pinjaman/ pembiayaan yang lebih rendah dan sumbangan yang teguh daripada semua operasi luar negara dan syarikat bersekutunya di China.</p>
<p>27.10.22 (Khamis) 11.30 pagi</p>	<p>Ancom Logistics Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM29.9 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM30.5 juta pada tahun kewangan lepas. Disebabkan tekanan inflasi yang kuat, pelanggannya mengambil langkah untuk kekal konservatif dan berhati-hati. Ini menjejaskan harga dan permintaan untuk perkhidmatannya.</p>

		<p>Untung sebelum cukai bagi tahun kewangan 2022 menyusut kepada RM0.3 juta daripada RM2.3 juta pada tahun kewangan lepas. Untung yang jauh lebih rendah pada tahun kewangan 2022 sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan yang ditanggung untuk cadangan di bawah Perjanjian (<i>Heads of Agreement</i>, HOA) S5 Holdings Inc pada tahun tersebut.</p>
27.10.22 (Khamis) 02.30 petang	Ancom Nylex Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2022 meningkat sebanyak 30.5% tahun ke tahun kepada RM2.01 bilion daripada RM1.54 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh jualan yang lebih tinggi dalam Bahagian Kimia Pertanian dan Kimia Industri.</p> <p>Berikutan itu, Kumpulan mencatatkan peningkatan keuntungan sebanyak 186% kepada RM68.2 juta daripada RM23.8 juta pada tahun sebelumnya. Kumpulan kekal optimistik mengenai prospek dan prestasinya pada tahun kewangan baharu.</p>
27.10.22 (Khamis) 02.30 petang	Pensonic Holdings Berhad (AGM)	<p>PENSONIC merekodkan penurunan pendapatan sebanyak 4.2% kepada RM325.0 juta pada tahun kewangan 2022, terutamanya disebabkan oleh penutupan sementara kedai yang menjual barangan bukan keperluan dari Jun 2021 hingga Ogos 2021. Di samping itu, untung sebelum cukainya menyusut 13.9% kepada RM14.8 juta disebabkan oleh kos logistik yang lebih tinggi dan penyusutan nilai ringgit berbanding dolar AS.</p> <p>Setakat 31 Mei 2022, ringgit telah melemah sebanyak 6.1% daripada RM4.1266 pada 1 Jun 2021. Berikutan itu, Pensonic telah melaraskan harga jualan produknya secara berperingkat.</p>
28.10.22 (Jumaat) 10.00 pagi	ES Ceramics Technology Bhd (AGM)	<p>Es Ceramics merekodkan prestasi kewangan terbaiknya pada tahun kewangan 2022 dengan pendapatan dan keuntungan tertinggi yang pernah dicapai.</p>

		<p>Untung sebelum cukainya meningkat kepada RM54.35 juta (tahun kewangan 2021: RM35.46 juta), sebahagian besarnya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi iaitu RM115.89 juta (tahun kewangan 2021: RM92.91 juta).</p> <p>Pada Mei 2022, Kumpulan mengambil keputusan untuk mempelbagaikan perniagaan yang sedia ada dengan merangkumkan pembuatan dan perdagangan bahan binaan melalui pemerolehan Evermix Concrete Sdn. Bhd. Sementara itu, pertumbuhan permintaan yang berterusan untuk sarung tangan akan memberi manfaat kepada aktiviti perniagaannya.</p>
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara penting/ Isu untuk diketengahkan
Apollo Food Holdings Berhad (AGM)	Kerajaan telah menangguhkan pelaksanaan peraturan baharu berhubung ambang gaji bulanan yang melayakkan pekerja mendapat faedah lebih masa dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM4,000 dan bilangan waktu bekerja mingguan dikurangkan daripada 48 jam kepada 45 jam, dari 1 September 2022 hingga 1 Januari 2023. Apakah kesan kewangan terhadap kumpulan bagi tahun kewangan 2022, secara pro-forma, dengan mengandaikan ketetapan ini telah dilaksanakan dari awal tahun kewangan 2022?
Nylex (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Dalam tahun kewangan yang ditinjau, Syarikat telah memuktamadkan pelupusan keseluruhan aset dan liabiliti Syarikat serta pengagihan hasilnya kepada pemegang saham Syarikat yang berhak. Pada 31 Mei 2022, daripada jumlah RM50 juta tunai yang diterima, sejumlah RM11.25 juta telah diketepikan untuk memperoleh perniagaan baharu (Halaman 119, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Memandangkan Kumpulan perlu melaksanakan langkah penyusunan semula, adakah jumlah RM11.250 juta ini cukup untuk menjayakan pelaksanaannya? Adakah Lembaga Pengarah dan Pengurusan meramalkan keperluan untuk menjana dana ekuiti dalam masa terdekat?</p>
Fibon Berhad (AGM)	Kegiatan utama FIBON adalah dalam pembuatan komposit gentian matriks polimer termaju yang digunakan dalam pembuatan penebat beramperaj tinggi FIBON®. Kumpulan juga mengkhusus dalam pembuatan dan pembekalan penutup dan papan suis elektrik kalis letupan dan perdagangan dalam busbar tembaga. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2022)

	<p>a) Selain daripada segmen minyak dan gas, keperluan segmen perniagaan utama yang manakah yang turut dipenuhi oleh Kumpulan?</p> <p>b) Adakah terdapat persaingan sengit dalam perniagaan utama Kumpulan? Apakah kelebihan daya saing yang dimiliki oleh Kumpulan berbanding syarikat-syarikat lain yang seumpamanya?</p>
<p>KUB Malaysia Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 15 Jun 2022, KUB Sepadu Sdn Bhd (KUBS), anak syarikat 60% milik KUB Malaysia telah menerima perintah pembubaran oleh pemegang saham minoriti KUBS.</p> <p>Petisyen pembubaran terhadap KUBS telah difailkan di Mahkamah oleh pemegang saham minoritinya pada November 2019.</p> <p>Berikutan perintah yang diterima pada 15 Jun, KUB Malaysia telah kehilangan kawalan ke atas KUBS. Selepas itu, kedudukan kewangan KUBS telah dinyahsatukan daripada Kumpulan. Pada masa ini, KUBS diklasifikasikan sebagai syarikat bersekutu KUB.</p> <p>Pada 17 Jun 2022, KUB memfailkan permohonan penangguhan pelaksanaan perintah pembubaran (Permohonan Penangguhan) serta Notis Rayuan (Rayuan Pembubaran).</p> <p>Pada 30 September 2022, Mahkamah telah menolak Permohonan Penangguhan oleh KUB. Berikutan keputusan yang diberikan, KUB memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan untuk mengetepikan keputusan yang diberikan oleh Mahkamah pada 30 September 2022 (Rayuan Penangguhan).</p> <p>KUBS ialah anak syarikat utama KUB Malaysia yang terlibat dalam operasi dua ladang kelapa sawit seluas 4,616 hektar di Mukah, Sarawak. Perniagaan kelapa sawit merupakan penyumbang keuntungan terbesar kepada Kumpulan pada tahun kewangan 2022, dengan untung bersih berjumlah RM18.52 juta.</p> <p>(Merujuk halaman 20 dan 153, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Penolakan Permohonan Penangguhan KUB ke atas KUBS oleh Mahkamah adalah satu lagi halangan undang-undang terhadap Syarikat.</p> <p>Namun begitu, KUB masih berharap dapat merealisasikan sepenuhnya keputusan kewangan KUBS melalui kaedah perakaunan ekuiti pada masa hadapan.</p> <p>Apakah pilihan yang tinggal dari segi undang-undang untuk KUB yang dapat menghalang KUBS daripada dibubarkan?</p> <p>b) Apakah kemungkinan KUBS akhirnya dibubarkan mengikut perintah mahkamah?</p>

	<p>c) Apakah status operasi semasa KUBS? Adakah pembubar telah memulakan apa-apa tindakan untuk membubarkan KUBS?</p> <p>d) Meskipun berdepan halangan undang-undang, adakah Kumpulan akan terus melaksanakan inisiatif yang dirancang untuk menaik taraf ladang kelapa sawit dan menanam semula kelapa sawit tua dan berhasil rendah pada tahun kewangan 2023? (Halaman 20, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>e) Pengiktirafan perakaunan yang berkaitan dengan pelaburan dalam KUBS adalah satu daripada perkara audit utama yang dinyatakan dalam Laporan Juruaudit Bebas (Halaman 57 hingga 60, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Adakah perkembangan terkini yang bertarikh 30 September dapat mengubah pandangan juruaudit luar Deloitte PLT mengenai perkara ini?</p>
<p>TAS Offshore Berhad (AGM)</p>	<p>Simpanan tetap bersama baki tunai dan bank dan pelaburan lain Kumpulan (yang termasuk pelaburan dalam dana unit amanah) masing-masing berjumlah RM29.967 juta dan RM30.912 juta pada 31 Mei 2022. Selepas menolak pinjaman bukan semasa yang berjumlah RM3.054 juta dan pinjaman semasa berjumlah RM3.621 juta di sisi lain kunci kira-kira, kumpulan kini berada dalam kedudukan tunai bersih yang berjumlah RM54.204 juta pada akhir tahun kewangan 2022.</p> <p>a) Mengapakah syarikat mahu mendapatkan kelulusan daripada pemegang saham untuk memperbaharui kuasa syarikat untuk membeli sahamnya sendiri sedangkan syarikat telah menggantung pembayaran dividen tunai sejak 2014, kecuali pembayaran satu saham perbendaharaan bagi setiap empat puluh saham biasa sedia ada yang dipegang pada awal tahun ini? Mengapakah syarikat tidak mengutamakan pembayaran dividen tunai kepada pemegang saham, sebaliknya memilih pembelian balik saham?</p> <p>b) “Memandangkan ekonomi global sedang mengalami kemelesetan, tiada rancangan untuk melaksanakan perbelanjaan modal baharu kerana Kumpulan mengekalkan kapasiti operasi semasanya” (Halaman 12, Laporan Tahunan 2022). Tambahan pula, Kumpulan mempunyai kedudukan tunai bersih yang kukuh berbanding pendapatan tahunan sepanjang lima tahun yang lalu, dalam julat antara RM16.182 juta dan RM57.499 juta. Justeru, mengapakah kumpulan masih mahu mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk mendapatkan kuasa menerbitkan dan memperuntukkan saham menurut Seksyen 76 Akta Syarikat, 2016?</p> <p>c) Adakah syarikat berhasrat untuk menyambung pembayaran dividen pada masa hadapan?</p>

<p>Hong Leong Bank Berhad (AGM)</p>	<p>HLB komited untuk menghentikan pembiayaan mana-mana loji janakuasa arang batu lapangan hijau (<i>greenfield</i>) dan pembiayaan loji janakuasa arang batu berkuat kuasa mulai 1 Julai 2026. Komitmen ini termasuklah pembelian bon/sukuk untuk membiayai mana-mana loji janakuasa arang batu lapangan hijau (Halaman 108, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Berapakah jumlah keseluruhan tanggungan sedia ada HLB untuk membiayai loji janakuasa arang batu dalam pasaran domestik dan luar negara?</p> <p>b) Pada tahun kewangan 2022, 20% daripada portfolio pinjaman dan pembiayaan perniagaan HLB telah diklasifikasikan secara dalaman sebagai berisiko tinggi terhadap alam sekitar dan sosial (<i>environmental & social, E&S</i>), mewakili peningkatan 2% berbanding 18% pada tahun kewangan 2021 (Halaman 75, Laporan Kelestarian 2022).</p> <p>Mengapakah terdapat peningkatan yang tinggi dalam pendedahan pembiayaan HLB kepada sektor E&S? Apakah had sasaran untuk pendedahan pembiayaan Bank kepada sektor sensitif E&S ini?</p> <p>c) Mengikut pemerhatian Bank, adakah terdapat sebarang peningkatan ketara dalam risiko kredit bagi pinjaman berisiko tinggi terhadap E&S ini sejak Bank memasukkan Rangka Kerja Penilaian dan Dasar ESG dalam dasar kreditnya berkuat kuasa mulai Januari 2021?</p>
<p>Ancom Logistics Berhad (AGM)</p>	<p>Perjanjian (<i>Heads of Agreement, HOA</i>) (seperti yang disertakan oleh HOA Tambahan) dengan S7 Holdings Sdn Bhd, Merrinton Assets Limited, MY E.G. Capital Sdn Bhd dan Avocat Sdn Bhd berkaitan dengan pemerolehan perniagaan baharu dan pelupusan perniagaan teras sedia ada Syarikat kepada Nylex (Malaysia) Berhad sebagai sebahagian daripada penstrukturan semula kumpulan telah tamat tempoh dan luput pada 15 April 2022.</p> <p>a) Adakah syarikat sudah menerima deposit yang boleh dikembalikan sebanyak RM10 juta daripada S7 Holdings Sdn Bhd?</p> <p>b) Dalam AGM syarikat yang ke-54, dijelaskan bahawa amaun RM10 juta itu telah dibiayai melalui pembayaran balik sebanyak RM2.5 juta oleh Ancom Berhad serta pendahuluan tambahan oleh Ancom Berhad kepada ANCOMLB sebanyak RM7.5 juta. Adakah jumlah terhutang kepada syarikat induk diiktiraf sebagai pendahuluan yang dikenakan faedah? Jika ya, berapakah kadar faedah yang dikenakan?</p>
<p>Ancom Nylex Berhad (AGM)</p>	<p>Syarikat tidak membayar apa-apa dividen tunai sejak pembayaran dividen tunai terakhir pada 23 Januari 2015. Apabila soalan tentang kemungkinan pembayaran dividen dibangkitkan dalam AGM ke-52 tahun lepas, syarikat menjawab bahawa kumpulan melihat peluang tersebut untuk</p>

	<p>menguatkan prestasi kewangannya pada masa hadapan. Syarikat berhasrat untuk mengekalkan tumpuannya terhadap pengurangan kos dan menjimatkan aliran tunai supaya boleh digunakan sebagai pelaburan modal bagi pertumbuhan perniagaan dalam tempoh dua tahun akan datang.</p> <p>Mengapakah syarikat membelanjakan RM15.898 juta dalam pembelian bersih saham perbendaharaan syarikat pada tahun kewangan 2022 dan mengapakah syarikat mahu mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pembaharuan kuasa bagi mandat pembelian balik saham dalam AGM ini sedangkan i) nisbah pengedaran bersih kumpulan melonjak daripada 0.55x pada 31 Mei 2021 kepada 0.75x pada 31 Mei 2022; ii) syarikat tidak mengisytiharkan apa-apa dividen tunai sejak pembayaran terakhir sebelum ini iaitu pada 23 Januari 2015; dan iii) kumpulan mahu mengekalkan tumpuannya terhadap penjimatan aliran tunai supaya boleh digunakan sebagai pelaburan modal untuk pertumbuhan perniagaan pada masa hadapan?</p>
Pensonic Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan berhasrat untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pembuatan yang sedia ada serta meningkatkan kapasiti pengeluarannya untuk menampung pertumbuhan perniagaan pada masa hadapan. (Halaman 10, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah jumlah perbelanjaan modal yang dirancang untuk pelan pengembangan ini? Berapakah peningkatan kapasiti pengeluaran yang disasarkan?</p> <p>b) Apakah kapasiti pembuatan dan kadar penggunaan pada tahun kewangan 2022? Apakah kadar penggunaan yang disasarkan pada tahun kewangan 2023?</p>
ES Ceramics Technology Bhd (AGM)	<p>Kos yang ditanggung untuk menyenggara fungsi audit dalaman yang disumber luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2022 berjumlah RM18,550. (Halaman 37, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>MSWG telah mengulas tentang kos audit dalaman sejak dua tahun kewangan yang lalu. Memandangkan yurannya yang kecil (kira-kira RM1,500 sebulan), bagaimanakah jawatankuasa audit memberikan jaminan bahawa terdapat perlindungan yang cukup dan fungsi audit yang berkesan?</p> <p>Berapakah jumlah laporan audit yang dikeluarkan sepanjang tahun kewangan 2022? Apakah bidang liputan audit pada tahun tersebut?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.